



PENGUMUMAN

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA TAHUN 2012

Oleh :

*YBhg. Tuan Haji Hussain bin Awang
Pengarah Pelajaran Kelantan*

Pada :

18 Mac 2013

Masa:

12.00 Tengah hari

Tempat :

*Bilik Gerakan
Jabatan Pelajaran Kelantan*



PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) TAHUN 2012
18 MAC 2013, JAM 12.00 TENGAHARI

1.0 PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berusaha Timbalan Pengarah Pelajaran Kelantan, Ketua-Ketua Sektor atau wakil, Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah atau wakil, Pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran Kelantan, rakan-rakan media dan hadirin yang saya hormati sekalian. Terima kasih atas kehadiran tuan.

Bacaan al Fatimah – sedekahkan kepada Perwira Negara yang gugur di Lahad Datu - alFatimah

Alhamdulillah, setinggi-tinggi ucapan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya pada hari ini 18 Mac 2013 bersamaan 06 Jamadil Awal 1434 Hijrah, kita semua dapat berkumpul di Bilik Gerakan ini untuk menjayakan Majlis Pengumuman Keputusan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) peringkat negeri Kelantan bagi tahun 2012. Peperiksaan STPM ini telah berlangsung pada 19 November hingga 13 Disember 2012. Seramai 313 orang guru

telah dilantik sebagai petugas peperiksaan bagi mentadbirurus peperiksaan ini.

STPM tahun 2012 merupakan tahun terakhir peperiksaan kaedah Terminal (peperiksaan di hujung tahun). Selaras dengan Program Transformasi Pendidikan, mulai tahun 2012 (Tingkatan 6 Bawah, Penggal 1 STPM 2013) Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) melaksanakan sistem pentaksiran baharu bagi memperkasakan program pendidikan di tingkatan enam.

Pada tahun ini, sekali lagi saya amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan kehendakNya pencapaian kelulusan calon STPM negeri Kelantan tahun 2012 amat membanggakan dalam beberapa aspek yang saya akan jelaskan nanti.

2.0 MAKLUMAT PEPERIKSAAN STPM TAHUN 2012

Pengumuman keputusan STPM 2012 peringkat kebangsaan diumumkan pada hari ini 18 Mac 2013, bertempat di Majlis Peperiksaan Malaysia, Bandar Baru Selayang, Selangor bermula pada jam 12.00 tengah hari (waktu yang sama dengan pengumuman peringkat negeri). Semua calon STPM boleh mengambil slip keputusan peperiksaan di sekolah masing-masing selepas jam 12.00 tengah hari pada hari ini. Di samping itu, semua calon boleh mendapatkan keputusan peperiksaan melalui laman web MPM [www.mpm.edu.my] dan juga sistem pesanan ringkas (sms) melalui talian 15888 [STPMRESULT< > No Kad Pengenalan, hantar 15888].

2.1 Maklumat Calon STPM Tahun 2012

Untuk makluman semua, seramai 5,676 orang calon telah menduduki peperiksaan STPM pada tahun 2012 bagi seluruh negeri Kelantan berbanding dengan tahun 2011 seramai 6,082 orang. Bilangan Calon Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan adalah seramai 5,088 orang berbanding dengan tahun 2011 seramai 5,357 orang. Manakala Calon Sekolah Swasta, Calon Sekolah Menengah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan dan Calon Integriti adalah seramai 407 orang berbanding dengan tahun 2011 seramai 553 orang dan selebihnya iaitu 181 orang adalah Calon Persendirian berbanding dengan tahun 2011 seramai 172 orang. (Rujuk Jadual 1)

Jadual 1 : Bilangan Calon STPM 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Jenis Calon	Tahun			
		2011		2012	
		Daftar	Hadir	Daftar	Hadir
1	Sekolah Kerajaan	5,539	5,357	5,281	5,088
2	Sekolah Swasta / Sekolah Kerajaan Negeri / Integriti	704	553	520	407
3	Persendirian	228	172	268	181
JUMLAH		6,471	6,082	6,069	5,676

2.2 Bilangan Sekolah dan Pusat Peperiksaan STPM Tahun 2012

Bilangan sekolah Tingkatan Enam pada tahun 2012 adalah sebanyak 59 buah Sekolah Bantuan Kerajaan, 3 buah Sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan 8 buah Sekolah Swasta. Manakala bilangan pusat peperiksaan STPM bagi seluruh Negeri Kelantan pada tahun 2012 adalah sebanyak 53 pusat.

2.3 Keterangan Gred dan Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP)

Kelulusan dalam sesuatu mata pelajaran ditandakan dengan suatu gred dan diberi Nilai Gred Mata pelajaran (NGMP) seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut. (Rujuk Jadual 2)

Jadual 2 : Keterangan Gred dan Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP)

Gred Mata Pelajaran (Subject Grade)	NGMP (SGP)	Catatan
A	4.00	Lulus Penuh (<i>Full Pass</i>)
A-	3.67	Lulus Penuh (<i>Full Pass</i>)
B+	3.33	Lulus Penuh (<i>Full Pass</i>)
B	3.00	Lulus Penuh (<i>Full Pass</i>)
B-	2.67	Lulus Penuh (<i>Full Pass</i>)
C+	2.33	Lulus Penuh (<i>Full Pass</i>)
C	2.00	Lulus Penuh (<i>Full Pass</i>)
C-	1.67	Lulus Sebahagian (<i>Partial Pass</i>)
D+	1.33	Lulus Sebahagian (<i>Partial Pass</i>)
D	1.00	Lulus Sebahagian (<i>Partial Pass</i>)
F	0.00	Gagal (<i>Fail</i>)

3.0 ANALISIS PENCAPAIAN STPM NEGERI KELANTAN BERBANDING DENGAN PENCAPAIAN PERINGKAT NASIONAL

Syarat Lulus Penuh ialah calon mesti sekurang-kurangnya mendapat Prinsipal C dalam mana-mana satu mata pelajaran yang diambil.

3.1 Perbandingan Peratus Lulus Penuh Keseluruhan Calon

Peratus lulus penuh keseluruhan calon negeri Kelantan pada tahun 2012 ialah 95.12% atau 5,399 calon, berbanding dengan peringkat nasional iaitu 92.67% atau 47,884 calon. *Ini menunjukkan pencapaian peringkat negeri Kelantan mengatasi peringkat nasional sebanyak 2.45%.*

3.2 Perbandingan Kecemerlangan 4 dan 5 Prinsipal Keseluruhan calon

Calon STPM negeri Kelantan yang mendapat kelulusan 4 dan 5 Prinsipal tahun 2012 ialah 53.7% atau 3,048 calon, berbanding dengan pencapaian peringkat nasional iaitu 47.39% atau 24,488 calon. *Ini menunjukkan pencapaian peringkat negeri Kelantan mengatasi peringkat nasional sebanyak 6.31%.*

3.3 Perbandingan Peratus Lulus Penuh Calon Sekolah Bantuan Kerajaan

Peratus lulus penuh bagi calon Sekolah Bantuan Kerajaan ialah 95.72% atau 4,870 calon berbanding peringkat nasional iaitu 94.44% atau 45,054 calon. *Ini menunjukkan kelulusan peringkat negeri mengatasi nasional sebanyak 1.28%. Pencapaian ini amat membanggakan bagi calon Sekolah Bantuan Kerajaan di negeri Kelantan.*

3.4 Perbandingan Kecemerlangan 4 dan 5 Prinsipal Sekolah Bantuan Kerajaan

Peratus lulus 4 dan 5 Prinsipal Sekolah Bantuan Kerajaan bagi negeri Kelantan ialah 55.64% atau 2,831 calon, berbanding dengan pencapaian peringkat nasional iaitu 49.64% atau 23,683 calon. Ini menunjukkan pencapaian peringkat negeri Kelantan mengatasi peringkat nasional sebanyak 6.0%. (Rujuk Jadual 3).

Jadual 3 : Perbandingan Pencapaian Kelulusan Peringkat Negeri dengan Peringkat Nasional

Bil	Perkara	Negeri (%)	Nasional (%)	Mengatasi (%)
1	Lulus Penuh Keseluruhan Calon	95.12	92.67	2.45
2	Kecemerlangan 4 dan 5 Prinsipal (Keseluruhan Calon)	53.7	47.39	6.31
3	Lulus Penuh Calon Sekolah Bantuan Kerajaan	95.72	94.44	1.28
4	Kecemerlangan 4 dan 5 Prinsipal Calon Sekolah Bantuan Kerajaan	55.64	49.64	6.00

4.0 ANALISIS KELULUSAN CALON STPM 2012 BERBANDING DENGAN TAHUN 2011

4.1 Peratus Lulus Penuh Keseluruhan Calon

Peratus Kelulusan Keseluruhan calon STPM tahun 2012 ialah 95.12% atau 5,399 calon berbanding dengan peratus kelulusan tahun 2011 iaitu 95.99% atau 5,838 calon. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 0.87%.

4.2 Peratus Lulus Penuh Calon Sekolah Bantuan Kerajaan

Peratus Lulus Penuh Calon Sekolah Bantuan Kerajaan tahun 2012 ialah 95.72% atau 4,870 calon berbanding dengan peratus kelulusan tahun 2011 iaitu 96.64% atau 5,177 calon. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 0.92%.

4.3 Kecemerlangan Calon Yang Mendapat 5 dan 4 Prinsipal Sekolah Bantuan Kerajaan

Pada tahun 2012 calon yang mendapat 5 Prinsipal seramai 1,248 orang atau 24.53% berbanding dengan tahun 2011 iaitu seramai 1,310 orang atau 24.45%. Ini menunjukkan peningkatan peratusan sebanyak 0.08%.

Manakala calon yang mendapat 4 Prinsipal pada tahun 2012 seramai 1583 orang atau 31.11% berbanding dengan tahun 2011 seramai 1,693 orang atau 31.62%. Ini menunjukkan berlaku penurunan sebanyak 0.51%.

4.4 Pencapaian Min Nilai Gred Keseluruhan (PNGK)/Min Negeri

Min PNGK/Min Negeri bagi calon Sekolah Bantuan Kerajaan tahun 2012 ialah 2.42 berbanding dengan tahun 2011 iaitu 2.45. Walaupun berlaku sedikit penurunan iaitu 0.03, namun ianya masih lagi dalam keadaan normal.

Sukacita juga saya maklumkan bahawa sekolah-sekolah hendaklah akur dan hanya merujuk kepada PNGK /

GPS yang dikeluarkan atau dibekalkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia Sahaja.

Jadual 4 : Rumusan Analisis Kelulusan Calon STPM 2008 Hingga Tahun 2012

Tahun Perkara	2008	2009	2010	2011	2012	Perbezaan Antara 2012 dengan 2011 (+ / -)
Peratus Lulus Penuh Keseluruhan Calon STPM	95.47	95.63	96.23	95.99	95.12	- 0.87
% Lulus Penuh Calon Sekolah Bantuan Kerajaan	97.13	96.91	97.38	96.64	95.72	- 0.92
%Kecemerlangan 5P Calon Sekolah Bantuan Kerajaan	22.58	29.79	26.34	24.45	24.53	0.08
% Kecemerlangan 4P Calon Sekolah Bantuan Kerajaan	29.30	28.80	32.27	31.62	31.11	- 0.51
Sekolah Bantuan Kerajaan Lulus Penuh 100 %	15	20	18	14	14	-
* Min PNGK/Min Negeri (GPS) (Bermula STPM Tahun 2010)	2.22	2.47	2.46	2.45	2.42	- 0.03

Catatan : * **Sumber Daripada Majlis Peperiksaan Malaysia**

5.0 SEKOLAH KERAJAAN YANG MENCAPAI KEPUTUSAN LULUS PENUH 100 PERATUS

Sebanyak 14 buah sekolah daripada 59 buah sekolah bantuan kerajaan di negeri Kelantan telah berjaya mencapai keputusan kelulusan 100 peratus dalam Peperiksaan STPM pada tahun 2012. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

Bil.	Nama Sekolah	Daerah
1	SMK Badak	Bachok
2	SMK Mulong	Kota Bharu
3	SMK Tanah Merah 1	Tanah Merah
4	SM Teknik Bachok	Bachok
5	SMK Dato' Biji Wangsa	Tumpat
6	SMK Kangkong	Pasir Mas
7	SMK Ismail Petra	Kota Bharu
8	SMK Pahi	Kuala Krai
9	SMK Dato' Perdana	Bachok
10	SMK Kamil	Pasir Puteh
11	SMK Mahmud Mahyiddin	Tumpat
12	SMK Kubang Kerian (2)	Kota Bharu
13	SMK Kubang Bemban	Pasir Mas
14	Maktab Sultan Ismail	Kota Bharu

6.0 PENCAPAIAN CALON SEKOLAH BANTUAN PENUH KERAJAAN MENGIKUT MATA PELAJARAN

6.1 Pencapaian Mengikut Mata Pelajaran Tahun 2012

Keseluruhannya, sebanyak 11 mata pelajaran telah menunjukkan peningkatan pencapaian. (**Rujuk Jadual 5**)

Jadual 5: Pencapaian Mengikut Mata Pelajaran Antara Tahun 2011 Berbanding dengan Tahun 2012

Bil	Mata Pelajaran	Tahun		Peratus Peningkatan
		2011	2012	
		%	%	
1	Sains Sukan	67.33	83.70	16.37
2	Ekonomi	45.89	54.95	9.06
3	Computing	91.67	100.00	8.33
4	Seni Visual	82.65	89.24	6.59
5	Bahasa Cina	66.67	72.73	6.06
6	Kesusasteraan Melayu	70.66	74.31	3.65
7.	Chemistry	48.98	52.63	3.65
8.	Geografi	70.73	73.33	2.60
9.	Pengajian Perniagaan	45.66	48.22	2.56
10.	Syariah	77.60	79.10	1.50
11.	Mathematics T	40.53	40.67	0.14

6.2 Pencapaian Mengikut Mata Pelajaran Berbanding Peringkat Nasional

Terdapat 6 mata pelajaran menunjukkan pencapaian negeri mengatasi peringkat nasional dari segi Peratusan Lulus Penuh. Rujuk Jadual 6

Jadual 6: Pencapaian Mengikut Mata Pelajaran Berbanding dengan Peringkat Nasional

Bil	Mata Pelajaran	Negeri (%)	Nasional (%)	Mengatasi (%)
1	Computing	100.00	75.99	24.01
2	Kesusasteraan Melayu	74.31	66.56	7.75
3	Sains Sukan	83.70	76.65	7.05
4	Geografi	73.33	72.13	1.20
5	Bahasa Cina	72.73	72.36	0.37
6	Seni Visual	89.24	88.96	0.28

7.0 CALON TERBAIK STPM 2012

7.1 Calon Terbaik Peringkat Nasional

Alhamdulillah, pada tahun ini sekali lagi Negeri Kelantan mencipta sejarah apabila seramai 4 calon STPM telah dipilih sebagai pelajar terbaik peringkat Nasional berbanding pada tahun 2011 hanya satu orang sahaja. Mereka yang dimaksudkan itu ialah **Azira binti Mohd Asri** dari **SMK Bukit Jawa, Pasir Puteh**, **Nurhanisah binti Deraman** dari **SMK Cherang Ruku, Pasir Puteh**, **Ahmad Herman bin Rodzi** dari **SMK**

Ketereh, Kota Bharu dan Siti Aidah binti Othman dari SMK Tendong, Pasir Mas.

Kesemua calon ini mendapat 5 Prinsipal A bagi semua kertas yang diambil. Mereka sekarang mereka berada di Majlis Peperiksaan Malaysia, Selayang, kerana menghadiri Majlis Penganugerahan Pelajar Cemerlang STPM Peringkat Nasional.

7.2 Calon Mendapat Semua A dan PNGK 4.0

Alhamdulillah, pada tahun ini terdapat 12 orang calon telah mendapat A dalam semua kertas yang diambil iaitu PNGK 4.0, berbanding hanya 4 orang calon pada 2011. Calon-calon tersebut ialah:

Bil	Nama Pelajar	Prinsipal	Sekolah
1.	Azira binti Mohd Asri	5 A (PA, BM, Kesusasteraan Melayu, Sej, Geo)	SMK Bukit Jawa, Pasir Puteh
2.	Nurhanisah binti Deraman	5 A (PA, BM, Sej, Geo, Eko)	SMK Cherang Ruku, Pasir Puteh
3.	Ahmad Herman bin Rodzi	5 A (PA, BM, Sej, Geo, Eko)	SMK Ketereh, Kota Bharu
4.	Siti Aidah binti Othman	5 A (PA, BM, Sej, Geo, Eko)	SMK Tendong, Pasir Mas
5.	Kurt Lee Long	4 A (PA, BM, Sej, Eko)	SMJK (C) Chung Hwa, Kota Bharu
6.	Ea Chawisni a/p Ea chai	4 A (PA, BM, Sej, Eko)	SMJK (C) Chung Hwa, Kota Bharu
7.	Lee Peng Hooi	4 A (PA, Math T, Chemistry, Bio)	SMJK (C) Chung Hwa, Kota Bharu
8.	Tan Shueai	4 A (PA, Math T, Chemistry, Bio)	SMJK (C) Chung Hwa, Kota Bharu
9.	Wan Amirul Irfan bin Wan Mat	4 A (PA, BM, Sej, Eko)	SMK Dato' biji Wangsa, Tumpat
10.	Nurul Diyana binti Alias	4 A (PA, BM, Sej, Eko)	SMK Dato' biji Wangsa,

			Tumpang
11.	Muhammad Fariz bin Che Noh	4 A (PA, BM, Sej, Geo)	SMK Sultan Ibrahim 2, Pasir Mas
12.	Mas Diana Binti Mahmad	4 A (PA, BM, Sej, Geo)	SMK Perempuan, Pasir Mas

Seterusnya terdapat 7 orang lagi calon yang mencapai PNGK 4.0, iaitu mereka mencapai keputusan A bagi 4 mata pelajaran daripada 5 mata pelajaran yang diambil termasuk A bagi mata pelajaran Pengajian Am. Calon-calon tersebut ialah:

Bil	Nama Pelajar	Prinsipal	Sekolah
1.	Alireza bin Ibrahim	4 A (PA, BM, Sej, Geo) 1 A (Eko)	SMK Tg Panglima Raja, Pasir Mas
2.	Nur Ain binti Abd Rasid	4 A (PA, BM, Kesusasteraan Melayu, Sej), 1 A- (Geo)	SMK Bukit Jawa, Pasir Puteh
3.	Wan Noriza binti Wan Derasik	4 A (PA, BM, Sej, Geo) 1 A- (Eko)	SMK Bukit Jawa, Pasir Puteh
4.	Mohamad Hazeeman bin Zulkifli	4 A (PA, BM, Kesusasteraan Melayu, Geo) 1 B+ (Sej)	SMK Kota, Kota Bharu
5.	Nor Ashikin binti Alias	4 A, (PA, BM, Sej, Geo) 1 B (Eko)	SMK Tg Panglima Raja, Pasir Mas
6.	Tuan Norashikin Fakhihin bt Tuan Mat	4 A, (PA, BM, Sej, Geo) 1 B (Eko)	SMK Ayer Lanas, Jeli
7.	Khoirun Nisha binti Umar	4 A, (PA, BM, Sej, Geo) 1 C (Eko)	SMK Puteri, Kota Bharu

8.0 PENGHARGAAN

Akhirnya, saya mewakili warga pendidik seluruh negeri Kelantan mengucapkan tahniah kepada semua calon yang telah berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan STPM tahun 2012. Kejayaan ini adalah hasil daripada kerjasama dan komitmen semua pihak terutama para pendidik, ibu bapa dan masyarakat amnya. Semoga kejayaan ini akan menjadi pendorong kepada mereka untuk berjaya ke peringkat yang lebih tinggi, khususnya di Intitusi Pengajian Tinggi mahupun di alam pekerjaan.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terutamanya kepada pemimpin setempat, pihak Polis Diraja Malaysia, POS Malaysia, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia Jabatan Perdana Menteri, Pasukan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, pihak media massa dan agensi-agensi lain yang telah terlibat membantu pihak kami sebelum, semasa dan selepas peperiksaan dijalankan.

Tidak dilupakan juga tahniah dan syabas diucapkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Pelajaran Kelantan, pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Pelajaran Daerah seluruh negeri Kelantan, pengetua, guru-guru dan kakitangan sekolah kerana komitmen dan usaha gigih mereka yang telah menyumbang ke arah pendidikan terbaik kepada semua pelajar dan akhirnya menghasilkan keputusan yang berkualiti.

Sekian, terima kasih.

HAJI HUSSAIN BIN AWANG
Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Kelantan.

18 Mac 2013